

# Kualiti pendidikan lebih utama

Parti-parti politik ternyata tidak abai kepentingan pelajar IPT

SHAH ALAM

Walaupun masih tidak mencukupi dan perlu penambahan baikan, tawaran parti-parti politik dalam manifesto Pilihan Raya Umum ke-15 (PRU15) memepati kemauhan mahasiswa di negara ini.

Timbalan Setiausaha Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung Cawangan Khas Universiti Malaya, Muhammad Iman Khidir Tarmidzi berpendangan, kandungan manifesto setiap parti politik berkaitan mahasiswa membantu meringankan beban golongan kurang berkemampuan dalam mendapatkan kualiti pendidikan lebih baik.

"Secara keseluruhan manifesto yang di-



MUHAMMAD IMAN KHIDIR

tawarkan setiap parti politik memberi impak positif selain mengambil kira apa yang diperlukan pelajar, antaranya pendidikan percuma kepada golongan B40 dan meningkatkan kualiti perkhidmatan internet berkelajuan tinggi dalam kampus secara percuma.

"Perkara-perkara ini dapat meningkatkan mutu kualiti pendidikan pelajar selain memberi semangat kepada mahasiswa untuk bersungguh-sungguh dalam pembelajaran supaya tidak ketinggalan dalam pelajaran, sekali gus mengangkat sektor pendidikan menjadi lebih baik pada masa akan datang," katanya kepada *Sinar Harian* pada Jumaat.

Beliau sehubungan itu menyambut baik janji berkaitan pendidikan yang ditawarkan dalam manifesto parti-parti politik bertanding.

"Kita melihat tiga parti utama iaitu Barisan Nasional (BN), Pakatan harapan (PH) dan Perikatan Nasional (PN) menawarkan sesuatu yang sangat baik. Sebagai contoh, BN menawarkan pendidikan percuma kepada golongan B40 dan sistem pengajian anjal iaitu 50 peratus pengajian di kampus

“

Secara keseluruhan manifesto yang ditawarkan setiap parti politik memberi impak positif selain mengambil kira apa yang diperlukan pelajar, antaranya pendidikan percuma kepada golongan B40 dan meningkatkan kualiti perkhidmatan internet berkelajuan tinggi dalam kampus secara percuma."

dan 50 peratus secara dalam talian, sekali gus mengurangkan sehingga separuh kos pengajian.

"PH menyatakan pengampunan pinjaman Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) bersasar kepada pelajar B40 dan PN pula ingin meningkatkan kualiti perkhidmatan internet berkelajuan tinggi dalam kampus institusi pengajian tinggi awam (IPTA) secara percuma seluruh negara," ujarnya.

## Antara kandungan manifesto yang berkaitan dengan mahasiswa IPT:



### Barisan Nasional (BN)

- Pendidikan tinggi percuma kepada anak golongan B40 di semua universiti awam.
- Sistem pengajian anjal iaitu 50 peratus pengajian di kampus dan 50 peratus secara dalam talian, sekali gus mengurangkan sehingga separuh kos pengajian.
- Majikan wajib membayar elua kepada semua mahasiswa yang melakukan latihan amali atau *internship*.
- Pemberian 100 peratus pembiayaan PTPTN kepada pelajar M40 dan ke bawah.
- Bayaran semula PTPTN berdasarkan pendapatan dan tangga gaji selepas setahun bekerja.
- Memberikan autonomi penuh kepada IPTA.

### HARAPAN

### Pakatan Harapan (PH)

- Pengampunan pinjaman PTPTN bersasar kepada pelajar B40.
- Jadual pembayaran balik PTPTN berdasarkan pendapatan graduan baharu bermula RM4,000 dengan peratusan meningkat mengikut gaji.
- Lebih banyak biasiswa B40 untuk mengurangkan kebergantungan kepada pinjaman.
- Meneruskan program Dermasiswa B40.
- Memperkenalkan Kad Bella sebagai naik taraf Kad Siswa sedia ada.
- Mansuhkan Akta Universiti dan Kolej Universiti (AUKU).
- Menambah peluang semua pelajar SPM dan STPM yang cemerlang ke IPTA dan benar-benar layak mengikut pencapaian.

### PERIKATAN NASIONAL

### Perikatan Nasional (PN)

- Bantuan awal pengajian IPT sebanyak RM1,000 kepada semua pelajar baru mendaftar.
- Menyediakan peranti digital bagi siswa daripada keluarga B40 dan M40 yang layak.
- Memperkasakan program atau kursus dalam bidang industri masa hadapan yang ditawarkan oleh IPT.
- Memperluaskan tawaran biasiswa atau geran penyelidikan dalam bidang industri masa hadapan dengan kerjasama GLC.
- Meningkatkan kualiti perkhidmatan Internet berkelajuan tinggi dalam kampus IPTA secara percuma seluruh negara.